



**GARIS PANDUAN GERAN KHAS PENYELIDIKAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
(GUIDELINES FOR ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES'
SPECIAL RESEARCH GRANT)**

PENGENALAN	Geran Khas Penyelidikan (GKP) diperkenalkan bertujuan untuk mengalakkan kolaborasi penyelidikan antara staf akademik dan pelajar pascasiswazah Akademi Pengajian Islam.
TAHUN PELANCARAN	2021
SYARAT DAN PERATURAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. GKP ini terbuka kepada semua staf akademik Akademi Pengajian Islam. 2. Projek Penyelidikan hendaklah diketuai oleh Staf Akademik sebagai Penyelidik dan Pelajar Pascasiswazah yang berstatus aktif sama ada mod penyelidikan atau campuran secara penuhmasa sebagai Pembantu Penyelidik. 3. Seorang (1) Penyelidik dibenarkan untuk memohon satu (1) projek penyelidikan akan tetapi terdapat pengecualian bagi sesetengah kes khas yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan (JKPP). 4. Tajuk projek penyelidikan mestilah berkaitan tesis atau dissertasi calon pascasiswazah. 5. Semua permohonan perlu memenuhi garis panduan yang ditetapkan dan akan dinilai oleh JKPP di Akademi Pengajian Islam.
TEMPOH PROJEK PENYELIDIKAN	Tempoh maksimum yang dibenarkan adalah selama 12 bulan sahaja.
PELANJUTAN TEMPOH PROJEK	TIADA PELANJUTAN DIBENARKAN di bawah program ini.

BAYARAN PERUNTUKAN	<p>Geran penyelidikan yang diperuntukkan adalah :</p> <p>Minimum : RM 5,000 / projek penyelidikan</p> <p>Maksimum : RM 10,000 / projek penyelidikan</p>	
PERATURAN KEWANGAN Semua urusan kewangan adalah tertakluk kepada prosedur dan Polisi Kewangan yang digunakan oleh Bendahari, Universiti Malaya. Peruntukan yang dipohon bagi setiap vot hendaklah disenaraikan secara terperinci/lengkap dan dilampirkan sebutharga.	Vot 21000 Perjalanan dan Pengangkutan	Perbelanjaan perjalanan untuk menjalankan kerja lapangan di dalam dan/atau luar negara.
	Vot 27000 Bekalan dan Bahan Penyelidikan	Perbelanjaan bagi pembelian bekalan/bahan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja. Boleh dipertimbangkan penggunaan internet/mobile data bergantung kepada projek penyelidikan yang dijalankan dan perlulah mengemukakan justifikasi dalam metodologi kajian dan vot ini. Maksimum peruntukan internet/mobile data sebanyak RM100 sahaja.
	Vot 29000 Perkhidmatan Ikhtisas	Vot ini boleh digunakan bagi pembayaran kos yuran penerbitan namun perlulah melalui IPPP dan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Baki dari kos yang telah diluluskan oleh IPPP perlulah dikemukakan agar boleh dibiayai melalui peruntukan ini.
LAPORAN PROJEK PENYELIDIKAN	Laporan Kemajuan & Laporan Akhir	<p>1. Laporan Kemajuan Laporan Kemajuan projek perlu dikemukakan pada bulan ke-6 dan dibentangkan (Borang GKP03/2021 & Template “<i>Pitching Progress Report</i>”)</p> <p>2. Laporan Akhir Laporan Akhir projek perlu dikemukakan pada bulan ke-12. (Borang GKP04/2021)</p>

		Laporan keseluruhan termasuk bukti perbelanjaan dan penghantaran manuskrip hendaklah dikemukakan ke Pejabat TPP melalui Ketua Jabatan masing-masing dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat projek. (<i>selewat-lewatnya bulan ke -15</i>).
HASIL PENYELIDIKAN		<ul style="list-style-type: none"> • Bagi setiap projek mestilah menghasilkan sekurang-kurangnya: Satu (1) Artikel dalam Jurnal Berindeks SCOPUS/WoS / 2 Bab Buku MAPIM/ 1 Buku MAPIM/ 2 Artikel MyCite • Penghargaan kepada Geran Khas Penyelidikan API (GKPXXX-2022) mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.
ETIKA PENYELIDIKAN		Semua penyelidikan yang dijalankan oleh staf akademik dan calon pascasiswazah universiti yang melibatkan peserta manusia dan penggunaan subjek haiwan vertebrata mesti dirujuk kepada jawatankuasa etika yang sesuai. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk laman web https://umresearch.um.edu.my/index (UMREC).

Kemaskini pada : 5 Julai 2022